



UCAPAN

**YANG BERHORMAT
TIMBALAN MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
JELAJAH DAYA NIAGA FRANCAIS
ZON UTARA TAHUN 2023
DAN
PELANCARAN ADUAN SURI
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

9 MEI 2023 (SELASA)

**BRASMANA FOODTRUCK & FLEA MARKET
(BFF), HOTEL PUTRA BRASMANA,
KUALA PERLIS**

Pendahuluan

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang saya hormati,

[SALUTASI]

- 1. Yang Berhormat Gan Ay Ling**
Ahli Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan
- 2. Yang Berhormat Tuan Fakhru Anwar bin Ismail**
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis
Perumahan & Kerajaan Tempatan, Penjaja & Peniaga Kecil,
Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan dan
Pembangunan Usahawan & Industri Kecil dan Sederhana
- 3. Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha KPND
- 4. Yang Berusaha Tuan Muhd Fairuz bin Abdul Halim**
Pengarah Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan
Langsung, KPND
- 5. Yang Berusaha Tuan Adiratno bin Che Ani**
Pengarah Bahagian Gerakan Kepenggunaan, KPND
- 6. Yang Berusaha Puan Norazah binti Jaapar**
Pengarah, KPND Negeri Perlis

7. Wakil-wakil Media

Seterusnya, Yang Berhormat, Datuk, Dato', Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, yang dihormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniannya kita dan perlindungan-Nya, kita dibekalkan dengan kesihatan untuk sama-sama berkumpul di **Majlis Perasmian Program Jelajah Daya Niaga Francais, Zon Utara Tahun 2023 dan Pelancaran Aduan Suri Peringkat Negeri Perlis** di Dataran Putra Brasmana, Perlis pada hari ini.
2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil inisiatif untuk menganjurkan dua program ini secara serentak sebagai platform untuk mendayaupayakan perniagaan dan celik kepenggunaan sekaligus memberi impak tinggi kepada ekonomi negara.
3. Kementerian ini berpandangan untuk meraikan 2 sambutan ini bersama dapat memacu perniagaan berimpak tinggi yang menjurus kepada pertumbuhan dan seterusnya memberi kemajuan perkhidmatan bagi rakyat pada kadar berpatutan serta mendayaupaya kepenggunaan.
4. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, **KPDN berperanan bagi menjayakan agenda menangani kos**

sara hidup melalui strategi serampang dua mata iaitu pengawalan harga makanan dan meningkatkan pendapatan rakyat. Dalam hubungan ini, ekosistem perdagangan dalam negeri yang mampan akan menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia dan secara langsung akan memastikan kesejahteraan para pengguna di negara kita terutamanya dalam menangani agenda peningkatan kos sara hidup.

JELAJAH DAYA NIAGA FRANCAIS

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Apakah itu “Francais” - ia merupakan satu kontrak perniagaan di mana pemilik sesuatu perniagaan yang berjenama tertentu membenarkan pihak yang lain untuk mengoperasikan perniagaannya mengikut satu sistem yang seragam. Perniagaan francais ini telah berkembang di Malaysia sejak tahun 1980-an dengan jenama seperti Bata dan Singer mula mengambil bahagian dalam konsep Francais. Ini adalah termasuk antara lain KFC dan juga McDonalds yang amat terkenal sehingga sekarang.
6. Sehingga **31 Mac 2023**, sejumlah **693 francais** telah berdaftar di Malaysia iaitu **58 peratus** adalah jenama

francais tempatan, manakala 507 francais asing. Pembangunan industri Francais sentiasa menjadi fokus kerajaan dalam usaha membantu usahawan tempatan berkembang. Kerajaan melalui KPDN dan pelbagai agensi terlibat menganjurkan pelbagai program setiap tahun mempromosikan jenama tempatan di pasaran antarabangsa.

7. Dalam menyokong agenda pembangunan usahawan, KPDN telah memperkasa Program Jelajah Franchise Bay dengan nama baharu iaitu **Program Jelajah Daya Niaga Francais**. Program yang dilaksanakan ini menerapkan ciri-ciri prinsip Malaysia Madani dan enam nilai teras utama iaitu **kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan** dan **ihsan**.
8. Pada tahun 2023, saya dengan bangganya ingin memaklumkan bahawa **Program Jelajah Daya Niaga Francais Zon Utara, yang julung kali diadakan di Negeri Perlis** yang akan berlangsung dari 9 Mei 2023 sehingga 11 Mei 2023. Ia merupakan **pembuka tirai untuk siri program pembangunan perniagaan francais Zon Utara yang akan terus dilaksanakan oleh pihak Kementerian** di sekitar Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak.

9. Program Jelajah Daya Niaga Francais ialah suatu inisiatif di bawah KPDN. Program ini merupakan **siri pameran yang melibatkan penyertaan syarikat-syarikat francais bagi mempromosikan perniagaan francais mereka kepada orang ramai yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan francais.**
10. Pada masa yang sama, program ini juga akan memberikan **peluang bagi usahawan-usahawan sedia ada yang masih belum mempunyai francais sendiri untuk mengembangkan perniagaan mereka kepada jenama francais sendiri.**
11. Program ini akan **melibatkan sebanyak 13 francaisor seperti Marrybrown, Kenny Rogers Roasters, ArRahnu, Clean Pro Express, Old Town White Coffee, Meiko, Boat Noodle, D Sara Fried Chicken, Penyet-Penyet.com, Mama Care, UCMAS dan Genius Aulad.** Ini juga termasuk **francaisor baharu iaitu Mokti's Ice Cream** yang diasaskan oleh anak Negeri Perlis sendiri.
12. Sepanjang program ini, bakal-bakal usahawan francais akan **didedahkan dengan sistem-sistem perniagaan francais, pakej-pakej latihan francais dan kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan.** Pada masa yang sama pihak Persatuan Francais Malaysia (MFA),

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) dan PERNAS turut terlibat di dalam program ini **untuk memberikan khidmat nasihat kepada semua pengunjung program yang berminat.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

13. Industri Francais ini bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk di sekitar dan dapat membantu di dalam mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pemuda-pemudi tempatan. Perubahan positif ini dapat juga membantu untuk memastikan tahap atau taraf kehidupan rakyat semakin terutamanya penduduk tempatan meningkat.
14. Bukan itu sahaja, saya mendapati industri Francais mula menjadi perhatian usahawan-usahawan muda yang mahu berjinak-jinak dalam bidang perniagaan. Kebanyakan daripada mereka lebih suka memilih untuk mencari perniagaan yang kurang memberikan risiko tetapi di dalam masa yang sama keuntungan dapat diperolehi secara konsisten. Konsep perniagaan yang sebegini ada pada industri Francais dan **saya mengalu-alukan anak-anak muda di Perlis ini marilah sama-sama menceburi industri Francais ini.**

15. **KPDN juga telah mewujudkan inisiatif Francais Mikro dan Francais Mampu Milik sejak tahun 2022.** Inisiatif ini telah dilaksanakan untuk menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais.
16. **Sebanyak 19 francaisor dengan pewujudan 19 pakej permulaan perniagaan francais iaitu pakej RM 100 ribu dan ke bawah dan nilai pelaburan pakej sebanyak RM1.9 juta** telah berjaya dicapai di bawah inisiatif Francais Mikro dan Francais Mampu Milik. **Antara francaisor yang berjaya dibangunkan di bawah inisiatif ini, adalah CheeseU, Ayam Penyet Best, Oldtown White Coffee, US Pizza, Tadika A-Z, Genius Aulad, Smart Reader, Lovely Lace, Mamacare.**
17. Selain itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) untuk melaksanakan program-program pengembangan francais Malaysia ke peringkat antarabangsa dalam menyokong penglibatan rakyat dalam industri itu sebagai sumber kekayaan. Usaha ini penting bagi menyokong jenama francais tempatan melalui modul latihan pengantarabangsaan, penyertaan dalam pameran antarabangsa, padanan perniagaan dan seterusnya dapat berjaya menembusi pasaran antarabangsa melalui pembukaan outlet di luar negara.

18. Baru-baru ini, **YB Datuk Seri Salahuddin Ayub** telah mengetuai delegasi bagi Misi Perdagangan Francais Malaysia ke Melbourne, Australia bersempena **Franchising & Business Opportunities Expo 2023 (FBOE 2023)** dan telah berjaya menarik nilai potensi pelaburan berjumlah **RM30 juta** dari negara berkenaan. Usaha kerajaan di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) untuk memupuk dan menggalakkan lebih banyak eksport francais ke negara luar.
19. **Sehingga kini sebanyak 68 jenama francais Malaysia telah berkembang ke 75 negara.** Antara jenama Francais Malaysia yang telah menembusi pasaran antarabangsa ialah **Marrybrown, Tealive, Global Art, Smart Reader Kids, Aloha Mental Arithmetic, Genius Aulad** dan banyak lagi.
20. Besarlah harapan Kementerian agar pengunjung ke program ini akan mengemukakan hasrat mereka untuk menjadi francaisi. Dalam hal ini, Kementerian optimistik dan **mensasarkan sekurang-kurangnya 30 potensi francaisi baharu dengan nilai potensi pelaburan sebanyak RM7.5 juta** dapat dicapai menerusi program ini.

21. Semua inisiatif Kerajaan ini adalah untuk membuka lebih banyak peluang perniagaan francais terutama dari kalangan M40 & B40 bagi memperkasakan taraf hidup dan seterusnya mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.
22. Peluang ini wajar direbut oleh rakyat dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi diri dan keluarga masing-masing. Sekaligus membantu dalam meningkatkan keupayaan ekonomi dan sara hidup individu di Negara Madani ini.

ADUAN SURI

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

23. KPDN juga merupakan Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perlindungan pengguna yang komited untuk memperkasa kepentingan hak-hak pengguna di negara ini. Dalam memastikan hak-hak pengguna sentiasa terjaga dan terpelihara, KPDN berperanan dalam penerimaan dan pengurusan aduan pengguna. Untuk makluman jua, pengurusan aduan di KPDN kini bersifat *one stop centre* dan telah melancarkan semula melancarkan saluran aduan kepenggunaan sedia

ada dengan menambah baik sistem aduan agar lebih mesra pengguna dengan lebih cepat dan pantas.

24. Bagi mencapai hasrat di atas, **KPDN telah menyediakan QR Code bagi Aduan Suri**. Melalui mekanisme ini, pengadu hanya perlu mengimbas QR Code tersebut dan ianya akan terus disalurkan ke aplikasi Whatsapp aduan KPDN.
25. Pengadu hanya perlu memberikan maklumat seperti lokasi aduan, premis diadu dan bukti gambar serta maklumat lain yang lengkap sebelum pihak penguatkuasa dapat mengambil tindakan seterusnya. Tambahan pula, inisiatif ini dapat merealisasikan hasrat KPDN untuk memberi maklum balas akuan penerimaan aduan secara segera dari satu hari kepada 2 jam. Inisiatif ini juga membantu mempercepatkan tindakan maklum balas atas aduan lengkap yang diterima dalam tempoh 14 hari berbanding 21 hari
26. Dengan adanya kemudahan sebegini, ianya diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh pengguna serta dapat membantu Kerajaan dalam membanteras salah laku peniaga atau sebarang pelanggaran undang-undang di bawah seliaan KPDN sekaligus dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang mampu bertindak dan berdaya upaya dalam memperkasakan hak-hak sebagai pengguna.

27. Sejak dilancarkan pada **12 Januari 2023** sehingga **30 April 2023**, **KPDN telah menerima sebanyak 4,273 aduan** yang mana ia telah dibahagikan kepada tiga kategori aduan yang tertinggi. Antaranya ialah;
- i. Aduan tertinggi adalah bagi kategori **transaksi atas talian iaitu sebanyak 1,305 aduan (30.54%)**;
 - ii. Kedua adalah aduan bagi kategori **harga** iaitu sebanyak **1,187 aduan (27.78%)**; dan
 - iii. Ketiga adalah bagi kategori **perkhidmatan mengelirukan** iaitu sebanyak **725 aduan (16.97%)**.
28. Manakala di **Perlis**, **sebanyak 94 aduan** telah diterima dan sebanyak 90% aduan telah selesai dari tempoh 1 Jan 2023 sehingga 30 April 2023 serta kebanyakannya aduan berkaitan **transaksi dalam talian dan harga**.
29. Mengambil kira dapatan daripada **Indeks Pendayaupayaan Pengguna** yang berada pada tahap sederhana iaitu **63.1%** dan jumlah aduan yang telah diterima sehingga kini, KPDN akan terus bergiat aktif dalam mempromosikan aduan yang boleh dilaksanakan secara mudah dan cepat terutamanya untuk suri rumah bagi meningkatkan tahap kesedaran yang masih rendah.

Harapan Kementerian

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

30. Besar harapan saya selaku peneraju bersama KPDN agar semua lapisan masyarakat dapat menjadi **Pengguna Berdaya. Pengguna Berdaya** bermaksud:
- a. menjadi mata dan telinga Kementerian sebagai usaha untuk memperkasa perlindungan pengguna di negara ini;
 - b. pengguna yang mempunyai pengetahuan dalam kepenggunaan, tahu hak-hak sebagai pengguna, menjalankan tanggungjawab membuat aduan terhadap sebarang kesalahan;
 - c. berani untuk bertindak dan bijak menguruskan perbelanjaan dalam mendepani cabaran kos sara hidup dalam persekitaran globalisasi ekonomi yang semakin mencabar.
31. Bersempena dengan Sambutan Hari Ibu yang bakal menjelang KPDN mengharapkan khasnya ibu-ibu atau suri rumah memanfaatkan Aduan Suri bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi turut mendidik ahli keluarga yang lain untuk menjadi pengguna bijak.

32. Saya juga berharap dan yakin lebih ramai potensi usahawan akan menunjukkan hasrat untuk memulakan perniagaan francais. **Industri francais mampu memberi satu dimensi baru terutama kepada golongan muda, wanita, siswazah dan golongan B40 dan M40 yang berminat menceburi perniagaan dan menjadi pencipta pekerjaan** atau *job creator* berbanding terkepong dalam lingkungan pencari kerja atau *job seeker*. Perniagaan francais adalah satu segmen perniagaan yang baik untuk memulakan langkah dalam bidang perniagaan.
33. Kementerian juga berharap agar **setiap pempamer dapat memanfaatkan program ini dengan sepenuhnya** dalam meluaskan jenama masing-masing. Bagi para pengunjung di Hotel Putra Brasmana pula, **sudi-sudilah luangkan masa anda untuk mengenali perniagaan francais dan produk-produk buatan tempatan dengan lebih dekat** di samping turut mewar-warkan program yang dianjurkan ini kepada keluarga dan rakan-rakan.
34. Akhir kata, saya sekali lagi **mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya** Persatuan Francais Malaysia (MFA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) dan PERNAS **dalam penganjuran**

Program Jelajah Daya Niaga Francais Zon Utara, Negeri Perlis. Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi kerajaan dan penggiat industri dapat memberikan sokongan yang berterusan agar kerjasama yang dimeterai ini akan memberikan kesudahan yang baik buat kita semua.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Jelajah Daya Niaga Francais, Zon Utara Tahun 2023 dan melancarkan Aduan Suri Peringkat Negeri Perlis.

Sekian, terima kasih.